

Untuk Siaran Segera

Panasonic Memperkenalkan Penyelesaian Aplikasi IP PBX

Panasonic Menawarkan Perkhidmatan Ternilai untuk Industri Tertumpu

Petaling Jaya, 22 Jun, 2010 – Panasonic Malaysia, peneraju dalam penyelesaian perniagaan terus mendahului dengan pengenalan barisan Penyelesaian Aplikasi IP PBX dan Sistem Mesyuarat IP untuk meningkatkan produktiviti perniagaan dalam bidang perhotelan, bank, hartanah, insurans dan sektor kerajaan.

“Penyelesaian Aplikasi IP PBX baru Panasonic merupakan sebuah aplikasi penyelesaian perniagaan kos berpatutan yang dapat meningkatkan perniagaan tanpa menjejaskan pelaburan komunikasi yang berlebihan,” menurut Jeff Lee, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia. “Dengan pengalaman kami dalam industri komunikasi selama 20 tahun, ini adalah visi Panasonic untuk menawarkan perkhidmatan berkualiti tinggi dan penyelesaian perniagaan yang bernilai kepada pengguna kami.”

Panasonic Malaysia kini menawarkan lima Penyelesaian Aplikasi baru yang memberikan kemudahan dan kapabiliti integrasi iaitu:

1. **Aplikasi *Hotel Suite* Panasonic (PHS) – Penyelesaian Pengurusan Perhotelan**
Penyelesaian pengurusan hotel yang ditujukan untuk kedua-dua Pejabat Hadapan Hotel (*Hotel Front Office*) dan pengurusan Pejabat Belakang (*Back Office*) menawarkan modul seperti Tempahan (*Reservation*), Penyambutan Tetamu (*Reception*), Pengemasan (*Housekeeping*), *Mini POS* dan Laporan Data Sejarah (*Reporting Historical Data*).

2. Aplikasi Rumah Panasonic [*Home Application (PHA)*] – Penyelesaian Keselamatan Rumah

Penyelesaian lengkap intercom dan pengawasan untuk kawasan kondominium, estet perumahan komuniti berpagar dan pembangunan pengurusan pejabat untuk memastikan keselamatan pengguna tanpa menjejaskan ketenangan fikiran pengguna.

3. Aplikasi Pusat Panggilan Panasonic [*iConnect Call Centre Application (PiCC)*] – Penyelesaian untuk perkhidmatan pelanggan yang lebih canggih

Pengurusan Pusat Panggilan dinamik yang memberi prestasi optimal dan perkhidmatan canggih. PiCC dilengkapi dengan Integrasi Telefoni Komputer (*Computer Telephony Integration*) yang mempunyai fungsi penghalaan panggilan sebagai alat Pengurusan Pusat Panggilan yang efisien ditujukan untuk institusi perbankan dan kewangan, agensi-agensi insurans, pemasaran (*tele-marketing*) dan syarikat –syarikat Pusat Bantuan (*help-desk companies*).

4. Aplikasi Penyatuan dan Pemusatan Bil Panasonic [*Centralize and Consolidated Billing Application (PCCB)*] – Aplikasi Penyatuan Panggilan

PCCB merupakan sebuah aplikasi pelbagai pengurusan dan pusat pengesan panggilan. Aplikasi ini menyediakan sebuah platform untuk menyatukan data Rakaman Stesen Mesej Terperinci [*Station Messaging Detail Recording (SMDR)*] dari pelbagai cawangan sistem PBX yang bersambung dalam sebuah rangkaian (*Network*) dan menghasilkan kepada satu integrasi data bil.

5. Telefon Persidangan IP Panasonic Model KX-NT700 [*IP Conference Phone (Model KX-NT700)*]

Model KX-NT700 adalah sebuah sistem persidangan IP yang ideal, efisien dan penyelesaian mudah apabila mengendalikan telesidang (*teleconference*) dan mesyuarat persidangan video perniagaan global.

“ Sebagai peneraju dalam pasaran Komunikasi Pejabat, Panasonic Malaysia merupakan syarikat pertama yang menawarkan pelbagai sistem Penyelesaian Aplikasi. Barisan system Penyelesaian Aplikasi direka bukan sahaja sebagai “Penyelesaian Mudah Perniagaan”, juga sebagai penyelesaian kreatif dengan teknologi canggih yang tersedia, sekaligus menyelesaikan keperluan pengguna dengan mudah.”

“Aplikasi baru ini bertujuan untuk meluaskan kegunaan rangkaian Data dan Suara, memudahkan operasi harian pengguna. Dengan penggunaan aplikasi ini, produktiviti akan meningkat dan kos operasi berkurangan.” tambah Jeff.

Yoshiyuki Tanabe, Pengurus Besar dan Penasihat Sistem Perniagaan berkata, “Dengan kemudahan penggunaan Penyelesaian Aplikasi yang disediakan, pengguna dapat kelebihan dalam pengurusan masa, meningkatkan nilai penjenamaan dengan perkhidmatan efisien dan menjadi dinamik dalam perniagaan mereka.”

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada www.pmpressroom.com

Perhubungan Media: Azizah Wahid
Pengurus Besar, Komunikasi Korporat Penjenamaan
Tel: 03 7809 7876 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730
Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

Perhubungan Produk: Seelan Kandasamy
Pengurus Produk Kumpulan, Bahagian Penyelesaian
Komunikasi,
Pemasaran Sistem Perniagaan
Tel: 03 7809 7759 Fax: 03 7958 4977 Mobil: 019 280 9625
Emel: seelan.kandasamy@my.panasonic.com

###